

**LAMPIRAN B**

**BORANG AKU JANJI**

**MENDIAMI KUARTERS APARTMENT PEGAWAI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Saya \_\_\_\_\_

No. K/P \_\_\_\_\_ berjawatan sebagai \_\_\_\_\_

di Jabatan/Bahagian/Unit \_\_\_\_\_

dengan ini memperakarkan bahawa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah menawarkan sebuah rumah/ kquarters kepada saya yang beralamat di  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Dengan sesungguhnya berjanji bahawa sekiranya saya bersetuju menerima tawaran tersebut, saya akan mematuhi syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Bab E, Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran. Antara syarat- syaratnya adalah seperti berikut;

1. Rumah tersebut hanya boleh didiami oleh saya dan keluarga.
2. Saya akan menduduki rumah tersebut bagi tempoh minimum 1 tahun.
3. Dilarang daripada menyewakan mana-mana bahagian atau keseluruhan rumah tersebut.
4. Dilarang membuat apa-apa tambahan dan pindaan kepada mana-mana bahagian dalam atau luar rumah tersebut tanpa kebenaran daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
5. Dilarang daripada memelihara binatang-binatang ternakan termasuk kucing, ayam, itik di mana-mana bahagian rumah di bawahnya atau dalam kawasannya.
6. Bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan dalam dan luar serta kawasan rumah tersebut.
7. Bertanggungjawab untuk melaporkan segala kerosakan yang berlaku kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
8. Bertanggungjawab di atas apa-apa kerosakan atau kehilangan peralatan rumah tersebut dan bertanggungjawab kepada keselamatan ahli keluarga sepanjang menduduki Rumah Kerajaan tersebut.

9. Tidak akan menuntut sebarang gantirugi atau pampasan dari pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ke atas kehilangan harta benda/ kemalangan/ kecacatan/ kehilangan nyawa.
10. Memaklumkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dalam tempoh 14 hari sebelum bercadang hendak mengosongkan rumah tersebut dan akan menyelesaikan semua tunggakan bil-bil yang ada.
11. Bersetuju supaya pihak Jabatan membuat pemotongan gaji saya bagi menyelesaikan tunggakan bil elektrik/ air atau kerosakan/ kecuaian yang saya lakukan apabila mengosongkan rumah Kerajaan tersebut.
12. Kunci rumah akan diserahkan serta merta apabila sudah mengosongkan rumah dan mengisi Sijil Akuan Keluar Rumah (Lampiran F) untuk tindakan pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
13. Tidak boleh menuntut baki Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) walaupun mendiami rumah yang kadarnya lebih rendah.
14. Mengosongkan rumah apabila saya/ suami/ isteri membeli rumah dengan pinjaman kerajaan/ bank di dalam kawasan Seremban (Lingkungan 25km)
15. Mengosongkan rumah tersebut di hari akhir saya bekerja/ bersara/ berhenti.
16. Mengosongkan rumah tersebut dalam keadaan bersih dan kemas seperti mana yang telah diserahkan kepada saya.
17. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berhak menarik balik rumah yang telah diperuntukkan jika saya tidak mendiami rumah tersebut dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 30 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.
18. Peruntukan ini boleh ditarik balik atau dibatalkan jika saya tidak mematuhi arahan-arahan yang terkandung di dalam Perintah-perintah Am Bab E atau melanggar mana-mana syarat yang telah dipersetujui atau atas sebab-sebab kepentingan Jabatan/ Perkhidmatan.
19. Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berhak untuk mengarahkan saya mengosongkan rumah sekiranya didapati saya dan keluarga saya mengalami masalah disiplin seperti terlibat dengan najis DADAH dan tingkah laku tidak bermoral.
20. Tidak dibenarkan menubuhkan atau melibatkan diri dalam aktiviti politik di dalam kawasan kuarters.

21. Mematuhi apa-apa syarat-syarat/ peraturan yang berkaitan dari semasa ke semasa.
22. Akan membuat permohonan semula selepas 3 tahun sekiranya saya masih berminat mendiami kuarters.
23. Sekiranya terdapat keterangan atau butiran palsu yang saya berikan, pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berhak membatalkan tawaran serta merta.
24. Saya dengan ini bersetuju mematuhi syarat-syarat di dalam Borang Aku Janji ini dan Tindakan Tatatertib oleh Ketua Jabatan dan tindakan mahkamah boleh diambil terhadap saya, jika saya melanggar apa-apa syarat dalam Borang Aku Janji ini.

Saya faham dan bersedia mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**Ditandatangani Oleh :**

.....

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Disahkan Oleh:**

.....  
**Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

Tarikh : \_\_\_\_\_